

09 AUG 1996

Pingat-Mahathir

BEKAS ANGGOTA TENTERA SERAH PINGATNYA KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Tidak seperti ribuan rakyat Malaysia yang lain, Kapten (B) Hamid Awang mempunyai cara tersendiri dalam melahirkan penghargaannya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena 15 tahun beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Jika ramai yang melahirkan penghargaan melalui ucapan dalam pelbagai bentuk seperti surat, poskad, faksimili, rakaman suara dan juga E-Mail, Hamid menzahirkannya dengan menyerahkan satu barang yang amat disayangnya iaitu Pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa yang diterimanya pada 1973.

Pingat itu adalah anugerah tertinggi dalam darjah-darjah perkasa dan yang paling kanan dalam senarai keutamaan anugerah persekutuan. Bintang kehormat itu dikurniakan kepada sesiapa yang menunjukkan keberanian luar biasa. Ia disertai dengan elaut.

"Saya tidak mempunyai apa-apa yang boleh dilakukan untuk menyatakan rasa terima kasih tidak terhingga kepada Dr Mahathir, dan penyerahan inilah sahaja cara yang terbaik untuk saya menyatakan penghargaan kepadanya," kata Hamid ketika ditemui pemberita selepas satu majlis penyerahan penghargaan kepada Perdana Menteri dan perasmian Sekretariat Ucapan Terima Kasih Kepada Perdana Menteri di Menara Lion di sini hari ini.

Hamid, 48, yang ditemani anak bongsunya, Khairul Anuar, 19, pada majlis itu berkata apa yang mendorongnya menyerahkan pingat itu kepada Dr Mahathir ialah jasa dan usaha beliau yang berjaya menjadikan bangsa Melayu dan Malaysia dikenali dan dihormati di peringkat dunia.

"Sebelum ini saya biasa ke luar negara dan ramai orang asing tidak kenal dan tahu di mana Malaysia tetapi kini semakin ramai orang dan negara luar mengenali negara ini," katanya.

Hamid yang bersara daripada berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1975 kini mengendalikan perniagaannya sendiri.

Beliau berkata rakyat Malaysia yang berbangga dengan kemajuan dan pencapaian negara serta kehidupan yang aman makmur di negara ini sesungguhnya perlu mendengar nasihat dan mencontohi sikap Dr Mahathir.

"Orang Melayu yang biasanya mempunyai sikap rendah diri sepatutnya mencontohi sikap positif Dr Mahathir," katanya.

Hamid, yang berasal dari Terengganu, mempunyai tiga orang anak hasil perkongsian hidupnya dengan Puan Fauziah Mohd Isa, 46, dan kini menetap di Subang.

Sambil kelihatan sebak, Hamid berkata beliau dianugerahkan pingat itu kerana tindakannya semasa menentang komunis di Sarawak.

Pada awal 1973, Hamid yang bertugas dengan Rejimen Kedua Askar Melayu Diraja telah mengetuai satu kumpulan lapan orang memburu pengganas komunis di Bahagian Pertama Sarawak.

Pasukan itu telah menemui satu perkhemahan musuh yang kekuatannya tidak diketahui. Dengan tiga anggota saja, Hamid menyerbu perkhemahan berkenaan setelah kepungan dibuat.

Ketika itu juga, Hamid terlihat seorang musuh sedang hendak menembak anak buahnya.

Oleh kerana tidak dapat menggunakan senjata di tangan kerana bimbang ia mungkin membahayakan orangnya, Hamid tanpa menghiraukan keselamatan dirinya menerkam pengganas itu lalu memukulnya sehingga dapat ditembak mati.

Tiga orang pengganas lagi yang berpangkat tinggi telah dapat dibunuh dalam pertempuran itu.

Kerana menghargai keberanian dan kegagahannya itu, Hamid yang pada masa

itu berusia 26 tahun telah dianugerahkan pingat itu oleh Yang di-Pertuan
Agong. -- BERNAMA
HS MAI